

1100024409

C/N 1125



LP 46 FST 1 2002



1100024409

Perkembangan embrio dan larva Kebaung (Kacukan antara Ikan Keli Afrika, Clarias gariepinus dengan ikan Baung, Mystus nemurus / Zuraidah Ali.

LP
96
FST
8
2002

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100024409		

1100024409

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

C/N 1125

Pengarang <i>Zuraidah Ali</i>		No. Panggilan <i>LP 96 FST 8</i>	
Judul			
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda Tangan
<i>6/8/06</i>	<i>3.30 pm</i>	<i>12866</i>	<i>[Signature]</i>
<i>6/8/06</i>	<i>6.30 pm</i>	<i>UK12866</i>	<i>[Signature]</i>
<i>06/08/06</i>	<i>10.00 w</i>	<i>UK12866</i>	<i>[Signature]</i>
<i>15/2/06</i>	<i>6.00</i>	<i>UK11736</i>	<i>[Signature]</i>
<i>06/8/06</i>	<i>Wen pm</i>	<i>UK11967</i>	<i>[Signature]</i>
	<i>11.00 a.m</i>	<i>UK11967</i>	

17/2/10

02

**PERKEMBANGAN EMBRIO DAN LARVA KEBAUNG
(KACUKAN ANTARA IKAN KELI AFRIKA *Clarias gariepinus* DENGAN IKAN
BAUNG *Mystus nemurus*)**

ZURAIDAH BT ALI

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Bacelor Sains Perikanan**

**Fakulti Sains dan Teknologi,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
TERENGGANU**

2002

1100024409

Laporan ini hendaklah dirujuk sebagai :

Zuraidah.A, 2002. Perkembangan embrio dan larva ikan kebaung (kacukan ikan keli Afrika, *Clarias gariepinus* dan ikan baung *Mystus nemurus*. Laporan projek , Bacelor Sains (Sains perikanan), Falkulti Sains Gunaan dan Teknologi, Universiti Putra Malaysia, Terengganu. 68p.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya dapat saya siapkan projek ini selepas bertukus-lumus hampir setahun. Selawat dan salam ke atas Rasullulah S.A.W dan para sahabat.

Teristimewa buat bonda Aminah binti Sulong, terima kasih yang tak terhingga atas segala dorongan, bantuan dan pengorbanan selama ini. Buat arwah ayahanda, Ali bin Tahar, semoga rohmu dicucuri rahmat dan tergolong di kalangan orang yang beriman. Kasih sayangmu tetap bersemadi dihati ini. Adik-beradik yang tersayang (Along, Ati, Ana, Ama, Ja, Din dan Ariq) terima kasih di atas segala pertolongan dan semangat yang diberikan.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada penyelia projek iaitu Dr. Anuar Hassan di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan. Jasamu tetap dikenang.

Penghargaan yang tak terhingga juga kepada Dr. Abol Munafi bin Ambok Bolong kerana banyak membantu saya sepanjang projek dijalankan. Tak lupa juga kepada En. Aziz, En. Masduki, En.Sharol, Puan kartini dan Kak Ila yang turut banyak membantu dalam perjalanan projek ini. Budimu disanjung tinggi.

Ribuan terima kasih pada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu terutamanya Ryon (Iskandar), Zack, Chek liy, Maa dan Miyah. Semoga persahabatan kita kekal selamanya.

ABSTRAK

Kajian telah dijalankan untuk mengkaji perkembangan pada peringkat embrio dan larva ikan kebaung. Daripada kajian telah didapati bahawa telur-telur kacukan keli dan baung adalah lutsinar, berbentuk bulat, tenggelam di dasar tangki dan melekat antara satu sama lain. Purata ukuran telur kacukan (♀ keli ♂ baung) pula ialah 1.3-1.5 mm Purata ukuran telur kacukan (♀ baung ♂ keli) ialah 1.6-1.8 mm. Apabila suhu air diselaraskan 28 °C, tempoh pengeraman telur kacukan (♀ keli ♂ baung) akan berlaku selama 27 jam 15 minit selepas proses persenyawaan manakala bagi tempoh pengeraman telur kacukan (♀ baung ♂ keli) adalah selama 29 jam 00 minit. Bagi suhu yang sama, tempoh pengeraman telur keli dan baung (kawalan) masing-masing ialah selama 25 jam 17 minit dan 25 jam 40 minit selepas tersenyawa. Larva baru menetas kurang aktif dan sentiasa berada di dasar tangki. Semua larva kebaung (♀ baung ♂ keli) mati beberapa minit selepas menetas. Prolarva mengandungi jasad yolka sebagai makanan permulaannya. Kandungan yolka ikan kebaung (♀ keli ♂ baung) ialah 0.001505 cm³, manakala bagi larva keli dan baung (kawalan) masing-masing ialah 0.001309 cm³ dan 0.0018 47 cm³. Larva kacukan kebaung (♀ keli ♂ baung) mencapai tahap juvenil pada hari ke 17 selepas penetasan, manakala larva keli dan baung (kawalan) masing-masing mencapai tahap juvenil pada hari ke 19 dan 22 selepas penetasan .

ABSTRACT

A study was done to observe the stages of embryo and larvae development of kebaung. The results of the study showed that the fertilized eggs were transparent, ellipsoidal, submerged at the bottom of the tank and sticky. Mean diameter of eggs of Kebaung (♀ keli ♂ baung) ranged from 1.3 mm to 1.5 mm. Mean diameter of eggs of Kebaung (♀ baung ♂ keli) ranged from 1.6 mm to 1.8 mm. When the water temperature ranged from 28°C, the incubation period for the fertilized eggs of Kebaung (♀ keli ♂ baung) was 27 hours 15 minutes after fertilization. The incubation period for the fertilized eggs of Kebaung (♀ baung ♂ keli) was 29 hours after fertilization. The incubation period for the fertilized eggs of Keli (Control) and baung (Control) were after 25 hours 17 minutes and 25 hours and 40 minutes after fertilization, respectively. Newly hatched larvae were not active and constantly stayed at the bottom of the tanks. All of the Kebaung (♀ baung ♂ keli) larvae died a few minutes after hatching. Newly hatched Kebaung (♀ keli ♂ baung) larvae contained 0.001505 cm³ of yolks, keli larvae contained 0.001309 cm³ of yolks and baung larvae contained 0.001847 cm³ of yolks. Larvae of Kebaung (♀ keli ♂ baung) became juvenile after 17 days, while keli and baung larvae (Control) became juvenil after 19 days and 22 days, respectively.